



**BAHAGIAN SUMBER MANUSIA  
INSTITUT PENYELIDIKAN PERHUTANAN MALAYSIA (FRIM)  
KEPONG, 52109 SELANGOR DARUL EHSAN**

Ruj Kami/ Our Ref: FRIM500-3/2/1(1)

Ruj Tuan/ Our Ref:

Tarikh : 11.03.2021

**IKLAN JAWATAN KOSONG KUMPULAN PENGURUSAN & PROFESIONAL SIRI 1/2021**

Permohonan adalah dipelawa daripada warganegara Malaysia berumur 18 tahun ke atas yang berkelayakan bagi mengisi jawatan-jawatan berikut di Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM).

1. (a) **JAWATAN : PEGAWAI PENYELIDIK GRED Q41**
- (b) **PENEMPATAN:** BAHAGIAN PENYELIDIKAN
- (c) **TARAF  
JAWATAN : TETAP / KONTRAK**
- (d) **JADUAL GAJI :** RM 2,315.00 (Minimum) – RM 9,618.00 (Maksimum)
- (e) **KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN :** RM 225.00
- (f) **IMBUHAN**
  - (i) Tetap Khidmat Awam : RM300.00
  - (ii) Tetap Perumahan : RM300.00
  - (iii) Bantuan Sara Hidup : RM300.00
- (g) **SYARAT LANTIKAN :**

Calon-calon bagi jawatan di atas hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

  - (i) Warganegara Malaysia;
  - (ii) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (h) **KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED Q41**
  - i) Ijazah Sarjana Muda Kepujian dalam bidang sains yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; (Gaji permulaan ialah pada Gred Q41: RM2315.00); atau
  - ii) Ijazah Sarjana Muda dalam bidang pertanian atau perikanan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; (Gaji permulaan ialah pada Gred Q41: RM2418.66); atau

- iii) Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred Q41: RM2522.44); atau
- iv) Ijazah Doktor Perubatan Veterinar yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred Q41: RM2730.00); atau
- v) Ijazah Sarjana dalam bidang sains atau kejuruteraan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred Q41: RM2833.78); atau
- vi) Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) dalam bidang sains atau kejuruteraan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred Q41: RM3145.11); dan

**(i) SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU**

Calon bagi lantikan ke Pegawai Penyelidik Gred Q41 hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**(j) PENGALAMAN BEKERJA**

Calon-calon yang mempunyai pengetahuan sekurang-kurangnya tiga (3) tahun dalam bidang penyelidikan perhutanan tropika (menjalan dan melaksanakan penyelidikan, menulis laporan, membuat pembentangan dan menerbitkan kertas kerja) akan diberi keutamaan.

**CARA MEMOHON**

Permohonan hendaklah dibuat melalui sistem permohonan jawatan dalam talian yang boleh diakses di laman sesawang Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM). Hanya permohonan yang dibuat melalui sistem permohonan dalam talian FRIM (<https://www.frim.gov.my/career-opportunities/>) akan diproses. Calon dikehendaki memuatnaik resume yang lengkap (kelayakan akademik, pengalaman kerja, gaji semasa dan gaji yang dipohon, gambar berukuran passport serta salinan sijil-sijil berkaitan) semasa membuat permohonan.

**TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 31 Mac 2021 (Rabu)**

**CATATAN AM**

Hanya calon-calon yang layak sahaja akan dipanggil untuk menjalani proses saringan. Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas **tiga (3) bulan** dari tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.